

Apa Sainsnya Petua, Azimat dan Nujum?

Science in Tips, Amulets and Fortune-Telling

MUHAMAD SHAFIQ MOHD ALI

ABSTRAK

Masyarakat Melayu sekian lama telah didendangkan dengan segala ilmu lama daripada nenek moyang mereka. Ilmu orang-orang Melayu ini dizahirkan dalam bentuk petua, azimat, bernujum dan banyak lagi yang dianggap sebagai suatu yang kolot, tidak rasional dan tidak mempunyai nilai sains. Penjajahan Tanah Melayu oleh Portugis, Belanda dan Inggeris telah menjadi pencetus kepada budaya ilmu berorientasi barat dalam kalangan orang Melayu. Inggeris sebagai contoh telah membuka sedikit ruang kepada golongan elit Melayu mengikuti pengajian berorientasikan Barat, secara tidak langsung telah mula mengubah persepsi masyarakat Melayu terhadap ilmu tradisional Melayu serta mereka ini mula menilai semula ilmu tradisional Melayu berasaskan nilai baru yang dipelajari. Dalam makalah ini diperjelaskan aspek-aspek sains dan teknologi amnya dan matematik khususnya dalam ilmu petua, nujum dan azimat. Aspek ini bukanlah hanya kerana mahu memadankan ilmu ini dengan ilmu sains sekarang tetapi mahu penyelidik sekarang melihat ilmu ini daripada sisi dan sudut yang berlainan. Aspek sains dan matematik yang dapat dilihat adalah seperti pengiraan hari dalam pembinaan rumah, pemberian nama anak berdasarkan tarikh lahirnya dan pengiraan bintang-bintang disentuh dalam makalah ini.

Kata kunci: Petua; azimat; nujum; kosmologi; etnosains; matematik; manuskrip

ABSTRACT

Malay community has been told for a long time with knowledge from their ancestors. Malay knowledge are disclosed in the form of tips, charms and many more considered as an old-fashioned, irrational and have no scientific value. Colonization of Malaya by the Portuguese, Dutch and English have a trigger to a western-orientation knowledge culture among Malays. For example, British has opened up little space on the Malay elite persuing Western orientation, indirectly has started to change the public perception of Malay traditional knowledge and they have begun to reassess the traditional Malay knowledge based on new values are studied. This paper explained the aspects of science and technology in general and especially mathematics in tips, oracle and charms. This aspects is not only because we want to match this traditional knowledge with present science but want researchers looking at this knowledge from different sides and angles. This paper covered science and mathematics that can be seen on calculation of days in the construction of house, giving the name of the child based on their birth date and calculation of the star.

Keywords: Tips; amulets; fortune-telling; cosmology; ethno science; mathematic; manuscripts

PENGENALAN

Menurut Shaharir (2003), kegiatan mencungkil unsur sains dalam manuskrip Melayu-Jawi yang terbenam di perpustakaan/muzium/arkib seluruh negara, khususnya di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) masih kurang dilakukan oleh penyelidik tempatan. Dalam usaha memperbanyakkan lagi penyelidikan ini, beliau telah melakukan penelitian terhadap judul manuskrip Melayu-Jawi seluruh dunia yang telah dikatalogkan oleh PNM. Penyelidikan yang dilakukan ini telah melahirkan pembahagian ilmu tentang manuskrip Melayu-Jawi seluruh dunia berasaskan tajuk daripada katalog yang dilakukan oleh PNM tersebut.

Dalam jumpaan Shaharir pada 2003 tersebut, beliau telah mengelaskan manuskrip sains kepada;

1. Ramalan & taabir (astrologi, azimat, firasat, hikmat, ilmu bintang, ilmu nujum, ketika/kuteka, petua, perimbun, raksi/rasi, rejang, tilik, ta'bir/takbir dan sebagainya.
2. Falsafah (*tashawwuf* dan mantiq)
3. Perubatan (tib, murajabat)
4. Sains hayat
5. Teknologi / kejuruteraan
6. Asal kejadian alam, manusia, dan makhluk lain
7. Astrologi-astronomi / kosmologi / kosmogoni / kosmogogenesis (ilmu falak, hay'aht, nujum, ilmu bintang)
8. Faraidh

9. Sains fizis

10. Matematik (ilmu hisab, ilmu hitung)

Jika dilihat daripada kelas manuskrip yang dinyatakan oleh Shaharir di atas, menjadi kemusykilan terhadap bahagian ramalan dan taabir yang dirasakan tiada unsur sains tetapi hanyalah mitos atau kepercayaan bangsa Melayu sahaja. Boleh dikatakan ramalan dan taabir ini juga tidak lagi diamalkan oleh kebanyakan masyarakat Melayu kini disebabkan oleh beberapa pandangan agamawan yang mengharamkan pengamalan ilmu ramalan ini. Oleh yang demikian, makalah ini akan memberikan serba sedikit pandangan bagaimana bahagian ramalan dan taabir tersebut masih mempunyai unsur sains di dalamnya.

PETUA DAN MASA

Daripada sudut petua, penelitian awal yang dilakukan oleh Hashim Awang (2006) terhadap Manuskrip 331 yang tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) mendapati petua yang diberikan oleh penulis kesemuanya bertitik tolak daripada bulan dan hari. Bulan dan hari menjadi asas menentukan kesesuaian dan keselamatan untuk menjalankan sebarang aktiviti. Pengiraan bulan itu berdasarkan bulan Hijrah. Takwim Hijrah ini mempunyai 12 bulan iaitu Muharram, Safar, Rabiulawal, Rabiulakhir, Jamadilawal, Jamadilakhir, Rajab, Syaaban, Ramadan, Syawal, Zulkaedah, dan Zulhijah. Setiap bulan mempunyai keistimewaan dan kemudharatannya sendiri. Menurut Hashim Awang, manuskrip yang ditelaah olehnya ini mempunyai beberapa petua yang masih ada lagi diamalkan oleh orang Melayu seperti petua membina rumah, petua menamakan anak dan petua cuaca.

Sebagai contoh, untuk membina rumah seseorang itu perlu terlebih dahulu menentukan bulan untuk membina rumah dengan mengambil kira kesesuaian bulan itu daripada segi manfaat dan kemudharatannya. Bulan Muharram tidak sesuai untuk memulakan kerja membina rumah kerana akan terjadi huru-hara dalam rumah tersebut. Mengikut M331, hanya empat bulan sahaja yang tidak sesuai untuk membina rumah iaitu Muharram, Jamadilakhir, Rejab dan Syawal. Bagi bulan lain terdapat keistimewaan tertentu. Terdapat juga bulan yang bersifat neutral yang bermaksud tiada manfaat atau mudarat seandainya rumah dibina dalam bulan itu iaitu bulan Rabiulawal. Setelah

ditentukan bulannya, perlulah ditentukan pula hari hendak memulakan kerja pembinaan. Daripada seminggu, hanya hari Ahad dan Isnin sahaja yang sesuai untuk memulakan kerja. Hari-hari lain menurut M331 mendatangkan pelbagai masalah kepada penghuninya. Misalnya, sekiranya rumah dibina pada hari Selasa dipercayai pasangan suami isteri yang mendiami rumah tersebut bukan sahaja bercerai berai, tetapi juga akan kehilangan harta. Hari Rabu pula penghuninya akan kehilangan isteri manakala hari Sabtu, penghuninya walaupun mendapat banyak harta tetapi harta tersebut akan menyebabkan perkelahian antara keluarga, fitnah memfitnah dan penghuninya tidak akan kekal tinggal dalam rumah tersebut.

Untuk petua menamakan bayi, ia turut menggunakan hari sebagai panduan. M331 mengemukakan nama-nama yang sesuai berpadanan dengan hari lahirnya seseorang bayi itu. Persoalan tentang kesesuaian hari tidak timbul kerana manusia tidak mendapat mengawal kelahiran itu. Pemilihan hari atau bulan untuk membina rumah serta menamakan anak memang tidak mempunyai kaitan dengan sains atau teknologi secara langsung. Tetapi, petua-petua ini yang merujuk kepada bulan dan hari merupakan suatu bentuk hipotesis dalam sains. Petua seperti jika membina pada hari ini, akan jadi begini merupakan suatu hipotesis sains. Hipotesis ini menerangkan sebab dan akibat yang akan berlaku pada masa hadapan jika melakukan sesuatu perbuatan mengikut hari tertentu. Ini selari dengan kaedah sains yang memberikan definisi hipotesis sebagai pernyataan yang diutarakan setelah dipertimbangkan dengan halus tentang adanya unsur-unsur kebenaran atau besar kemungkinannya benar, tetapi pernyataan itu tidak dapat atau masih belum dapat dibuktikannya (Shaharir 2000)

ASTROLOGI DAN HIPOTESIS SAINS DALAM PETUA

Selain daripada menunjukkan hipotesis sains, petua-petua ini juga ada menunjukkan pengaruh astrologi dalam pemikiran alam Melayu. Astrologi merupakan ilmu nujum atau peramalan yang berdasarkan bintang-bintang (Kamus Dewan). Bintang-bintang yang kebiasaannya dirujuk dalam ilmu nujum Melayu adalah bintang 12 mengikut padanan planet yang terdapat dalam alam semesta seperti Kamal, Masura, Hafiz, Satan, Qamar, Sabla, Mizan, Haqrah, Talur, Qaus, Jud dan Hadrat.

Menurut Kitab Bintang 12 yang telah ditelaah oleh Abdul Rahman Kaeh (2006), bintang ini akan menunjukkan fasal yang baik serta nahas mengikut edaran hari dan saat. Terdapat perkaitan perangai dan tingkah laku manusia yang digambarkan dengan merujuk kepada bulan kelahiran, bintangnya serta hari kelahirannya.

Menurut Shahrir (2013), manuskrip yang dikajinya, MS 1864 yang terdapat di PNM mengandungi tajwid, rejang, kutika, bintang dan ubatan. Pada pandangan beliau, manuskrip ini penuh dengan hipotesis matematik perubatan. Pembuktian dan penyahbuktian hipotesis itu memerlukan kerjasama dengan bijak-bestari tempatan (bomoh dan sebagainya) untuk mengenal segala tumbuhan dan mergastua. Manuskrip ini juga memberi istilah Melayu Lama yang sudah terfosil seperti istilah astronomi, iaitu rasi dan bintang tujuh yang mendorong seseorang mengkaji lebih banyak lagi rasi dan bintang Malayonesia serta membandingkannya dengan rasi-rasi dari Hindia dan Eropah. Apa yang menyebabkan pengamal perubatan terdahulu menggunakan bintang tujuh juga menjadi persoalan sedangkan kebanyakan kitab nujum Melayu terdapat juga bintang 12. Manuskrip ini turut menerbitkan masalah sampingan kepada ahli biologi untuk mendapatkan nama sains bagi setiap tumbuhan yang sehingga kini masih tidak dapat diketahui spesiesnya kerana mungkin nama yang diberikan dalam manuskrip merupakan nama tempatan penulisnya. Pencarian nama tumbuhan ini akan menambah maklumat berkenaan bahan yang digunakan sebagai penyembuh oleh pengamal perubatan tradisional Melayu.

Ramai orang termasuk sarjana yang cuba menafikan sainsnya segala petua, azimat dan sebagainya. Mereka beranggapan bahawa sarjana atau individu yang berusaha untuk mengelaskan segala petua ini termasuk dalam (disiplin) sains adalah orang yang seperti 'bermimpi di siang hari'. Mereka beranggapan bahawa jika Melayu ini maju dan sarat dengan ilmu, bagaimana mungkin boleh jatuh ke tangan penjajah. Orang-orang seperti ini biasanya antara orang yang tidak tahu dan juga tidak mahu mengkaji dengan lebih mendalam berkenaan dengan apa yang telah dihasilkan oleh orang Melayu dahulu. Mereka lebih selesa menggunakan serta menambah baik apa yang ditinggalkan oleh penjajah. Golongan ini tidak sedar bahawa sebelum kedatangan penjajah, kita sudah mempunyai ilmu kita sendiri.

KOSMOLOGI

Tiada hubungan secara langsung antara petua, azimat dan nujum dengan sains jika dilihat daripada pandangan kasar, tetapi sebenarnya cara pandangan alam daripada sudut pandangan manusia memang berlainan. Ini kerana perbezaan makna atau tafsiran sesuatu unsur sains daripada suatu budaya (agama dan bahasa) ke suatu budaya yang lain (Shahrir 2013b). Setiap masyarakat yang berlainan mempunyai pandangan alamnya yang tersendiri. Sudut pandangan orang Melayu tidaklah sama dengan pandangan alam orang bukan Melayu. Tetapi, orang bukan Melayu yang hidup dalam kebudayaan Melayu boleh menerima pandangan Melayu tersebut dan mungkin menjadikan pandangan mereka sama seperti pandangan Melayu juga. Ini dapat dilihat seperti pandangan dan penulisan al-Raniri dan Hamzah Fansuri yang bukanlah seorang penduduk tempatan Aceh tetapi mempunyai sudut pandangannya merujuk kepada alam Melayu.

Boleh dikatakan juga bahawa petua dan semua yang dibincangkan di atas mempunyai unsur kosmologi dalam alam Melayu. Kosmologi ini merupakan pandangan alam atau pandangan hidup sesuatu kaum, etnik atau bangsa dalam segala aspek kehidupannya sehingga terangkum dengan sistem kepercayaan adat resam, kesenian dan kebudayaan (Shahrir. 2013). Daripada apa yang difahami, kosmologi ini akan berbeza bagi setiap kaum atau bangsa. Mungkin sesetengah pihak menganggap petua atau lain-lain lagi tidak ada unsur sains tetapi bagi orang Melayu, petua yang diberikan dan ditulis dalam manuskrip merupakan pandangan alam orang Melayu terhadap alam sekelilingnya. Mungkin tiada niat dalam hati pemerhati yang merakamkan petua tersebut berdasarkan pemerhatian sains tetapi pemerhatian mereka itu merupakan suatu bentuk sains.

Jika dilihat sejarah astrologi itu sendiri, menurut Kim Farnell (2007) kita harus kembali ke zaman Babylon purba di mana manusia pertama kali menemui bahawa fenomena kosmik mempunyai hubungan dengan perubahan musim dalam setahun. Jadi mereka perlu meramal keadaan cuaca bagi memastikan mereka dapat bercucuk tanam dan memungut hasil yang baik. Jelaslah di sini dapat dilihat bahawa, astrologi itu bermula dengan pemerhatian manusia secara kasar terhadap alam sekeliling. Daripada pemerhatian inilah menjadikan fenomena yang berlaku di sekeliling masyarakat tersebut melahirkan suatu kajian yang lebih mendalam pada masa akan datang.

Ini samalah seperti pandangan atau pemerhatian orang Melayu terhadap fenomena yang berlaku di sekeliling mereka. Daripada pemerhatian mereka ini sepatutnya dilakukan kajian yang lebih mendalam untuk mengetahui sebab-musabab fenomena tersebut boleh berlaku.

Harun Mat Piah (2005) menegaskan pula bahawa masyarakat Melayu menguasai ilmu tentang alam dalam makna ilmu bintang, falak, atau astrologi sejak zaman prasejarah lagi. Tambah beliau lagi, sebagai suatu bangsa pelayaran, mereka menggunakan pengetahuan ilmu bumi, musim, angin, ribut, taufan, hujan dan lain-lain untuk berwaspada serta bersedia menghadapi apa juga keadaan yang mungkin berlaku. Kajian beliau membuktikan petua yang diturunkan kepada golongan muda merupakan satu ilmu yang sangat berguna kepada orang lain untuk melakukan pekerjaan harian mereka. Petua-petua yang diberikan juga merupakan pemerhatian mereka terhadap fenomena yang berlaku di sekeliling mereka. Fenomena yang mereka perhatikan ini jika dikaji dengan lebih lanjut mungkin akan menerbitkan suatu ilmu baru ataupun paling tidak pun menambah sesuatu dalam ilmu sedia ada.

NUJUM BERSANDARKAN MASA

Dalam ilmu nujum atau ramalan dalam alam Melayu pula, Haron Daud (2009) ada menyatakan pemerhati akan melihat setiap perkara yang menjadi rujukan pemerhatiannya seperti hari, bulan, cuaca dan apa-apa yang berkaitan dengan keadaan sekeliling. Sebagai contoh, untuk bercucuk tanam, terdapat perkiraan hari atau bulan yang baik dan tidak baik untuk memulakan tanaman. Orang yang ingin memulakan bercucuk tanam, akan melihat hari atau bulan tersebut sambil melihat keadaan cuaca dan mula mengira untuk melihat kesesuaian mereka memulakan kerja tanaman. Jika petani itu sendiri tidak mahir dalam ilmu penujuman ini, mereka akan berjumpa dengan ahli nujum untuk mendapatkan waktu yang sesuai untuk memulakan tanaman. Keadaan cuaca atau fenomena alam yang dilihat dan diperhatikan oleh mereka boleh menjadikan pemerhatian mereka berupa pemerhatian saintifik. Ini kerana terdapat waktu-waktu yang tidak sesuai untuk bercucuk tanam itu adalah waktu musim hujan yang lebat ataupun musim kemarau. Ini merupakan hujah untuk mengatakan terdapatnya unsur pemikiran saintifik orang Melayu dalam ilmu nujum, petua dan azimat.

SAINS DAN PETUA

Jika dilihat maksud sains itu sendiri adalah pemerhatian terhadap sesuatu dengan bersistem, mantik dan objektif dengan menggunakan kaedah khusus yang diperantikan untuk mewujudkan pertumpuan ilmu pengetahuan yang boleh dipercayai. Takrif di atas menunjukkan sains itu merupakan pemerhatian seseorang terhadap suatu peristiwa di sekelilingnya berdasarkan kaedah yang diguna pakai oleh pemerhati itu sendiri untuk mendapatkan pengetahuan berdasarkan pemerhatiannya itu. Proses mendapatkan ilmu ini adalah melalui pengalaman, kemudiannya mendapatkan fakta dan peraturan daripada pengalaman yang telah lalu. Sistem dan kaedah sains mengkaji sesuatu perkara adalah dengan melihatnya dengan teliti, mengukur, membuat uji kaji dan cuba menerangkan mengapa suatu fenomena itu terjadi. Persoalan mengenai petua merupakan ilmu Melayu yang tidak saintifik adalah tidak benar kerana ia merupakan suatu kaedah pencerapan oleh seseorang pencerap kepada perkara yang dicerapnya.

Petua menunjukkan pengalaman seseorang terhadap suatu fenomena di sekelilingnya dan menurunkan apa yang diperhatikannya itu kepada orang lain samada melalui lisan ataupun tulisan. Terdapat juga beberapa pendapat mengatakan pencerapan yang membenihkan petua itu tidak menerusi uji kaji yang saintifik. Pendapat ini juga boleh disangkal kerana uji kaji saintifik adalah berdasarkan fenomena yang berlaku di sekeliling pencerap. Fenomena ini kemudiannya akan disusun atur oleh pencerap untuk melihat samada pandangan atau pemerhatiannya pada pertama kali itu sama dengan hasil perhatiannya pada kali yang lain.

Sebagai contoh, dalam petua membina rumah, terdapat petua yang menyarankan agar orang yang ingin membina rumah agar pintu rumah itu menghadap arah angin bertiup agar mudah angin untuk masuk ke dalam rumah. Petua ini mungkin diperhatikan daripada orang sebelum mereka yang membina rumah dengan tidak melihat arah tiupan angin menyebabkan rumah mereka tidak dimasuki angin selepas rumah tersebut siap. Walaupun tiada radas yang diperlukan untuk melakukan kajian tersebut, tetapi pengalaman yang ditempuhi pencerap itu menjadikan petua yang ditinggalkan lebih bersifat saintifik.

Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan terdapat kesilapan yang dilakukan oleh pencerap semasa proses cerapan dilakukan oleh masyarakat dahulu. Pandangan mereka terhadap fenomena yang

dilihatnya mungkin betul dan mungkin juga salah. Walaupun pemerhatian yang berkali-kali dilakukan oleh pencerap akan mendapatkan hasil yang sama. Pemerhatian mereka terhadap suatu fenomena itu juga boleh menghasilkan pandangan yang lain jika dilihat dan diperhatikan oleh orang lain. Oleh sebab itulah banyak petua untuk satu-satu keadaan. Sebagai contoh, ada petua menamakan anak berdasarkan bulan dan hari anak dilahirkan. Terdapat juga petua menamakan anak berdasarkan rejang nama ibu dan ayahnya. Ada juga petua menamakan anak itu berdasarkan kiraan-kiraan tertentu dan ada juga yang menyuruh orang lain menamakan anak mereka berdasarkan ketinggian ilmuan orang itu. Mungkin masyarakat pada waktu itu menggunakan petua yang biasa mereka gunakan sahaja. Tidak mencampuri petua-petua yang berlainan.

KESIMPULAN

Jelaslah bahawa ilmu pemikiran Melayu seperti petua, azimat dan nujum mempunyai unsur sains di dalamnya. Kajian yang kurang menumpukan kepada bahagian sains dan teknologi merupakan kelemahan penyelidik sebelum ini untuk melihat ilmu ini daripada sudut lain. Kajian yang menumpukan kepada sains dan teknologi perlu dilakukan dengan lebih giat supaya dapat menambahkan data berkenaan ilmu dalam acuan sendiri yang telah dibangunkan oleh orang Melayu sebelum kedatangan penjajah. Ilmu ciptaan Melayu ini perlu disebar dan diturunkan kepada masyarakat supaya masyarakat tahu bahawa mereka pernah mempunyai ilmu yang hebat pada zaman dahulu dan perlu mengekalkannya supaya tidak terus tenggelam dalam kehairahan masyarakat mengejar teknologi barat.

Muhamad Shafiq Bin Mohd Ali
Pegawai Sains
Institut Alam & Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, UKM Bangi, Selangor
MALAYSIA
E-mail: sarap89@yahoo.com

Diserahkan: 16 Oktober 2015
Diterima: 18 Julai 2016

RUJUKAN

- Abdul Rahman Kaeh. 2006. Kitab bintang dua belas. Dlm. *Kepustakaan Ilmu Melayu*, disunting oleh Rogayah A. Hamid dan Mariam Salim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka
- Furnell, K. 2007. *Astrology - An Illustrated Guide*. London. Star Fire
- Haron Daud. 2009. *Kitab Ilmu Nujum Melayu*. Bangi: Penerbit Institut Alam & Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Harun Mat Piah. 2005. Pendahuluan. Dlm. *Kepustakaan Ilmu Melayu*, disunting oleh Rogayah A. Hamid dan Mariam Salim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Hashim Awang. 2006. Manuskrip 331: Petua Melayu. Dlm. *Kepustakaan Ilmu Melayu*, disunting oleh Rogayah A. Hamid dan Mariam Salim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Shaharir Mohamad Zain. 2000. *Pengenalan Sejarah dan Falsafah Sains*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shaharir Mohamad Zain. 2003. Sains dan teknologi Melayu sebelum dikuasai penjajah dari Eropah. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 1(2): 157-204
- Shaharir Mohamad Zain. 2006. Sains dan teknologi Melayu sebelum dikuasai penjajah dari Eropah. Dlm. *Kepustakaan Ilmu Melayu*, disunting oleh Rogayah A. Hamid dan Mariam Salim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka
- Shaharir Mohamad Zain. 2013. Bagaimanakah Sains Matematik Malayonesia dapat Ditemui di dalam Manuskrip dalam bahasa Melayu-Jawi Pra-Abad ke 20 M. Kertas kerja yang dibentangkan pada Seminar Etnomatematik anjuran Pusat Pengajian Sains Matematik UKM (26 Jun 2013).
- Shaharir Mohamad Zain. 2013b. Epistemologi Malayonesia Berbahasa Melayu. Kertas kerja yang dibentangkan pada Forum Arus Melayu sempena Festival Georgetown Pulau Pinang anjuran Penang Institute (16 Jun 2013).

